



PANDUAN MENJAHIT LANGSIR ILHAM NISHA

Anda di benarkan mencetak manual ini untuk kegunaan anda sendiri dan memudahkan proses pembelajaran dan pembuatan projek anda.

Anda tidak di benarkan mengeluarkan ulang atau menggunakan mana-mana bahagian manual ini dalam apa jua cara sama ada elektronik, mekanik, fotokopi, rakam atau pengstoran maklumat termasuk system dapat kembali.

Anda di larang menduplikasikan fail ini dan mengedarkannya semula oleh kerana ia tergolong sebagai kesalahan harta intelek (cetak rompak)

Hakcipta Terpelihara 2009 ©. hijab-batik.com & ILHAM NISHA. Seandainya anda telah menerima manual ini secara percuma atau berbayar dari sumber selain daripada apa yang telah di nyatakan oleh Hijab-batik.com atau ILHAM NISHA, sila hubungi kami di Hijab-batik.com atau ILHAM NISHA. Kerjasama anda amatlah dihargai dan terima kasih kami ucapkan, terutama sekali dalam menangani kesalahan harta intelek.



MENJAHIT LANGSIR PENYERI – PELMET
ILHAM NISHA.

PENYEDIAAN MANUSKRIP
Sanishah Mohd Alwi

PENYUSUN
Sanishah Mohd Alwi

KEMASUKAN DATA
Sanishah Mohd Alwi

CETAKAN KOMPUTER
Sanishah bt Mohd Alwi

REKEBENTUK EBOOK
Sanishah Mohd Alwi

REKA BENTUK KULIT EBOOK
Siti Rohana bt Manan

MENJAHIT LANGSIR PENYERI – PELMET ILHAM NISHA.

Isi Kandungan

1. Pengenalan
2. Pembelian kain dan Peralatan Utama.
3. *Mengukur anggaran kasar.*
4. *Mengukur anggaran tepat.*
5. *Membentuk POLA penyeri pelmet*
 - a) *Bentuk 1*
 - b) *Bentuk 2*
6. Pembahagian Pelmet.
7. Ilham menghasilkan Pelmet.
 - A) Pelmet Biasa
 - i. Peralatan utama
 - ii. Menghasilkan pola tambahan.
 - iii. Menjahit pelekat bertindih/pita langsir.
 - iv. Menggantung langsir.
 - B) Pelmet Keras tanpa Gam.
 - i. Peralatan utama
 - ii. Menghasilkan pola tambahan.
 - iii. Menjahit pelekat bertindih/pita langsir.
 - iv. Menggantung langsir.

- C) Pelmet Keras Bergam.
- i. Peralatan utama
 - ii. Menghasilkan pola tambahan.
 - iii. Menjahit pelek bertindih/pita langsir.
 - iv. Menggantung langsir.

- D) Pelmet Tebal tanpa gam.
- i. Peralatan utama
 - ii. Menghasilkan pola tambahan.
 - iii. Menjahit pelek bertindih/pita langsir.
 - iv. Menggantung langsir.

8. Membasuh Pelmet.

9. Menyimpan Pelmet.



Ilham

Nisha

PENGENALAN

PELMET



Gambar 1: Salah satu bentuk Penyeri Pelmet.

PENGENALAN.

Berbagai bentuk penyeri langsir yang terkini berada di pasaran. Lihat saja di kedai-kedai kain, terutamanya kedai langsir di bandar-bandar utama di negara kita. Bagi yang meminati hiasan dalaman ini, khususnya dalam keemasan lembut, ia takkan cukup satu jam untuk membelek atau memilih bentuk penyeri yang disukai. Rambang mata di buatnya. Bagi yang berkemampuan "order je..". Tetapi bagi yang kurang berkemampuan dan yang ingin mencuba menjahit sendiri, ikutilah ilham kami. Dan juga bagi anda yang ingin mencari pendapatan tambahan bolehlah menggunakan ilham kami untuk menghasilkan langsir yang lebih baik dan cantik. Dengan membuat sendiri itu akan lebih merasakan kepuasannya berbanding dibeli siap atau di tempah walaupun anda mampu mengupahnya. Sesuai juga dengan sabda Rasullullah s.a.w yang bermaksud:

"Usaha yang paling baik sekali, ialah usaha seseorang dengan tangannya dan semua jual beli yang di redhai Allah."

Terkini, bentuk PELMET menjadi pilihan kebanyakan para peminat langsir. Walaupun ia nampak simple tetapi ia ada "klas"nya yang tersendiri. Walau bagaimanapun bukan mudah untuk menghasilkannya terutama sekali bagi bentuk yang tidak sekata(melengkok/melengkung). Bagi mereka yang baru ingin mencuba dan baru nak belajar, tentulah ada sedikit kesukarannya. Tetapi dengan hanya membeli ebook ini, jika di bandingkan anda mengambil kursus menjahit di luar rasanya ia lebih berbaloi. Kerana kami akan cuba memberikan secara terperinci cara menghasilkannya.

Rasanya belum ada mana-mana ebook atau buku yang di hasilkan seperti yang telah kami hasilkan untuk anda semua, dimana ianya lebih lengkap. Bukannya langkah demi langkah malah lebih daripada itu. Pastikan anda melakukan mengikut arahan atau tapak demi tapak untuk membolehkan penghasilan yang terbaik.

Pelmet, suatu masa dahulu merupakan sekeping papan yang telah dibentuk, serta telah dicorakkan yang mana ia terletak di bahagian hadapan, atas (kepala langsir). Terkini pelmet telah di ubah suai, hanya dengan menggunakan kain, kita boleh mempelbagaikan bentuk pelmet mengikut kreativiti si pembuatnya. Dengan menggunakan kain ia lebih mudah untuk kita menghasilkannya.

Oleh itu kami cuba memberikan anda atau menunjukkan anda cara terbaik untuk menghasilkan Pelmet. Dengan asas ini, kami mengharapkan anda berjaya menghasilkannya walaupun dengan bentuk apa sekalipun. Pasti anda berjaya menghasilkannya dengan lebih mudah dan senang jika anda mengikut ilham-ilham yang kami berikan di dalam ebook ini dengan penuh kesabaran.

Perlu juga kami ingatkan di sini, apapun perkara yang kita lakukan jika tidak biasa dan tidak selalu kita membuat dan mencubanya, pada peringkat awal memanglah ada kesukarannya tetapi jangan cepat berputus asa atau mengalah, teruskan dan biasakan, dengan selalu mencubanya. Akhirnya anda pasti menjadi lebih mahir dan pakar dalam sesuatu perkara termasuklah dalam seni menjahit langsir ini.

Oleh yang demikian kami membahagikan dan mengolahkan Penyeri Pelmet kepada 4 ilham seperti di dalam jadual di bawah iaitu :


JADUAL 1: PEMBAHAGIAN PELMET.

PELMET	Cara membuat	Jenis kain yang Sesuai	Kos	Cadangan
1. Biasa	Lebih senang	Tebal, berkilat	Rendah	1. Kain berkilat(satin) paling cantik hasilnya. 2. Berhati-hati dengan jenis kain bergetah/nylon kerana ia mudah terkoyak apabila di gosok.
2. Keras tanpa gam	Senang	Tebal, nipis, lembut, berkilat, tidak mudah berkedut.	Sederhana	
3. Keras Bergam	Susah	Tebal, berkilat tidak bergetah/ elastik/nylon	Tinggi	
4. Tebal tanpa gam	Lebih susah	Semua jenis kain.	Tinggi	


Untuk mendapatkan hasil jahitan yang lebih memuaskan, kami nasihatkan anda mestilah memahami serba sedikit ciri-ciri kain yang ingin anda gunakan. Adakah ianya jenis kain baik atau kurang baik? Elastik atau mempunyai tekstur yang tetap? Lembut, keras atau kasar?

Penghasilan pelmet yang terbaik adalah menggunakan bingkai kayu berkotak(pengganti trek langsir). Ia akan kelihatan lebih tegang dan tidak berkedut kerana ia boleh ditegangkan dan dilekatkan hingga ke bahagian belakang dan kayu tersebut tidak kelihatan dari hadapan. Tapi penggunaan kayu tidak berapa diminati dan agak merumitkan(tidak praktikal) semasa membuat pemasangannya, oleh itu terkini ia telah di ubah suai kepada penggunaan trek langsir biasa.

Manakala penggunaan trek biasa pula, paling cantik menggunakan trek biasa selebar 1" supaya boleh di pasang "Pelekat bertindih" bagi menghasilkan pemasangan pelmet lebih sempurna. Penyeri PELMET menggunakan "pelekat bertindih"(lihat gambar 2 di bawah) adalah lebih cantik, jika di bandingkan menggunakan penyangkuk. Jika anda menggunakan trek kayu/berbentuk kayu(rod), menggunakan penyangkuk atas(gambar 3) adalah yang terbaik dan Penyeri PELMET jenis berpengeras adalah paling sesuai.



Gambar 2: Pelekat bertindih.



Gambar 3

Menjahit Penyeri Pelmet tidak banyak menggunakan kain tetapi untuk mendapatkan hasil yang memuaskan hati, anda perlu menambah kain penguat bergam atau tidak bergam atau kertas bergam dari jenis tebal atau nipis, span atau fibre dan beberapa aksosari tambahan. Jika di kira, kosnya lebih mahal daripada bentuk Penyeri Langsir yang lain. Walaupun ia nampak ringkas, tetapi untuk menghasilkannya agak rumit juga bagi mereka yang tidak biasa membuatnya dan kos untuk menghasilkannya juga agak tinggi bergantung kepada cara mana yang anda inginkan. Jika anda menggunakan aksosari tambahan, maka bertambah tinggilah kosnya. Oleh itu ikutlah bajet dan kemampuan anda.

CUBA KITA LIHAT SENARIO PENGHASILAN PELMET DI BAWAH INI.



Gambar 4: Ketidak sempurnaan pembuatan/penghasilan Penyeri Pelmet

Apakah ketidak sempurnaan yang anda nampak pada Penyeri Pelmet ini?

Bagi kami ialah, pemasangan pelmet tidak rata, ada gelembung dan kedutan di bahagian atasnya.

Ia adalah di sebabkan samada kesan tekanan jahitan atau menggunakan penyangkuk langsir atau tidak di gosok dengan sempurna atau dari jenis Pelmet keras bergam.

Pandangan kami, kainnya adalah dari jenis cotton, paling sesuai membuat Penyeri Pelmet Tebal bergam kerana jahitan untuk "pelekat bertindih" tidak kelihatan dari hadapan, tetapi, kosnya lebih mahal.

Untuk mengetahuinya teruskan pembelajaran membuat pelmet hingga ke akhir e-book ini. Teruskan bacaan anda bagi mengenalpasti cara manakah yang paling sesuai untuk anda praktikkan.



**PEMBELIANKAINDANPERALATAN
UTAMA.**

Pembelian kain dan peralatan utama penyeri pelmet .


Sebelum membeli kain anda perlu mengetahui serba sedikit tentang pembelian kain. Bagi kami pembelian kain adalah bergantung kepada budget. Tidak kira kain itu mahal atau murah anda pasti dapat menghasilkan langsir Penyeri yang cantik jika anda mengikut ILHAM yang kami berikan.

Jika anda ingin memudahkan/menyenangkan kerja untuk menjahit, sebaiknya dan cadangan dari kami, belilah kain tebal dan mempunyai tekstur yang tetap/kekal.

Tetapi sebelum anda membeli kain mahupun peralatan utama, anda perlu mengukur dahulu setiap tempat yang ingin anda hasilkan Penyeri Pelmet, demi mengelakkan sebarang pembaziran jika terlebih membeli kain. Tidak cukup kain juga berlaku pembaziran iaitu masa penghasilan. Mencari kain yang sama atau hampir sama bukannya mudah. Kadang-kadang mengambil masa berhari-hari untuk mendapatkan kain tersebut apatah lagi jika tempat permulaan pembeli kain tersebut sudah kehabisan stok. Tetapi jika anda seorang yang kreatif, anda tidak perlu susah-susah mencari kain yang sama. Untuk mengetahuinya, selalulah melihat, membaca, membeli dan menggunakan ILHAM kami. Anda pasti akan menjadi seorang kreatif akhirnya.

Walaupun apa bentuk penyeri pelmet anda, anggaran kain dan peralatan utama lainnya adalah lebih kurang sama ukurannya. Penghasilan Penyeri Pelmet yang terbaik ialah menggunakan kain memanjang(tanpa sebarang sambungan pada bahagian hadapan/tengahnya). Manakala peralatan utama lain bergantung kepada cara mana anda membuatnya. Sebagai contoh jika anda menggunakan span/fibre dan kain pembentuk bergam, ia juga di gunakan secara memanjang, tidak boleh di sambung di bahagian hadapan/tengahnya kerana hasilnya pasti tidak cantik dan sudah tentu tidak akan memuaskan hati anda.

Sebelum anda memulakan projek ini, anda perlu mengetahui serba sedikit apakah yang di perlukan untuk sekeping penyeri pelmet anda. Sila rujuk Gambar 4 untuk mengetahui antara peralatan utama bagi menghasilkan pelmet, selain daripada kain/fabrik.



Gambar 5: Peralatan utama Penyeri Pelmet

Di bawah ini kami sediakan jadual/panduan pembelian keperluan utama untuk sekeping penyeri pelmet.

JADUAL 2: KEPERLUAN UTAMA PENYERI PELMET

Jenis Penyeri Pelmet	helaian Kain/ Fabrik	Kertas pengeras nipis	Kain Pengeras biasa	Kain Pengeras bergam	Penebal Span / Fibre	Catatan
1. Biasa	1 helai	-	-	1 helai	-	* helaian kain atau peralatan utama yang lain adalah bergantung kepada ukurannya.
2. Keras	2 helai	2 keping	1 keping	-	-	
3. Keras bergam	2 helai	1 keping	-	1 helai	-	
4. Tebal tanpa gam	2 helai	2 keping	1 keping	-	1 keping	* 2 keping/helai, adalah untuk kegunaan depan dan belakang penyeri pelmet.

- *Kertas pengeras nipis/tebal biasanya berbidang ± 40 inci.*
- *Kain pengeras biasa(tanpa gam) berukuran ± 45 inci.*
- *Kain pengeras gam berukuran ± 37 inci.*
- *Span dan fibre biasanya dijual mengikut ukuran untuk membuat set cadar.*

* *Anda boleh menggunakan 2 keping kain yang berlainan untuk 1 keping penyeri pelmet anda. Contohnya, kain/fabrik di bahagian hadapan, anda menggunakan kain yang mahal atau berqualiti baik manakala bahagian belakang anda boleh menggunakan kain polos yang murah dan berqualiti kurang baik untuk mengurangkan budget/berjimat.*

Dengan panduan di atas ia boleh membantu anda membuat kira-kira, keperluan yang sepatutnya anda beli bagi membuat penyeri Pelmet. Dengan panduan ini, ia juga boleh membuat anggaran pembelian bagi mengelakkan pembaziran.



Halaman seterusnya adalah ilham-ilham untuk menggira anggaran meter dan ukuran tepat kain Penyeri Pelmet anda. Dalam masa yang sama anda boleh menggunakan ukuran ini semasa anda menggunting kain tersebut.